



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
Tel: 03-40130078
Laman Web: www.mafhq.mil.my

SIARAN AKHBAR

PULAU PINANG

23 MEI 2021

(Dikeluarkan pada jam 12.00 Tengahari)

**ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) MELALUI PERKHIDMATAN
KESIHATAN ANGKATAN TENTERA (PKAT) KOMITED BANTU NEGARA
MENANGANI PENULARAN PANDEMIK COVID-19**

1. Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Mohd Zakaria bin Hj Yadi telah berkesempatan mengadakan lawatan teknikal bagi melihat pengoperasian dan kesiagaan ICU Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang didirikan di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang. Lawatan ini turut diringi oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan ATM, Leftenan Jeneral Dato' (Dr) Zulkeffeli bin Mat Jüsoh dan Panglima 2 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj. Ahmad.
2. Di dalam usaha memutuskan rantaian wabak COVID-19 ini, ATM komited secara aktif membantu negara dalam mengekang penularan pandemik COVID-19. Selain terlibat secara aktif di dalam aspek kawalan keselamatan persempadanan negara menerusi OP BENTENG dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi OP PENAWAR, ATM juga terlibat secara aktif di dalam memberikan bantuan kesihatan melalui Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera (PKAT).
3. PKAT telah membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di dalam aspek berikut:
 - a. Aspek preventif dengan melaksanakan ujian saringan di zon-zon merah serta di lapangan terbang dan pintu-pintu masuk negara.
 - b. Membantu di dalam perancangan, pembinaan dan pengoperasian Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), *Makeshift Treatment Centre* di Pokok Sena, Kedah, Hospital Medan ATM Tawau, Sabah dan Hospital Medan ATM Kapit, Sarawak.

4. Terkini, ATM mengatugerak ICU Medan ke Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang yang mampu menempatkan 24 pesakit kritikal COVID-19. Sistem ICU Medan ini merupakan satu sistem Hybrid yang menggunakan kombinasi Modul Kontena dan Kompleks Khemah Utilis dan akan dilengkapi peralatan perubatan yang diperlukan. Konsep Pengoperasian Multi-Agensi akan di guna pakai bagi operasi ini.

5. Aturgerak anggota dan aset serta kerja-kerja pemasangan telah dikoordinasikan oleh pasukan Batalion Kedua Perubatan (2 Bn Ubat) berpangkalan di Kluang, Johor serta bantuan dari Kompeni B, 2 Bn Ubat yang berpangkalan di Sg. Petani Kedah. Kerja pemasangan ini telah bermula pada 18 Mei 2021 dengan bantuan khidmat nasihat teknikal daripada Cawangan Kesihatan Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div).

6. Fasa awal ICU Medan ini di jangka beroperasi sepenuhnya pada 24 Mei 2021. Panglima Briged Ke-6 Infantri Malaysia, Brigedier Jeneral Khairul Anuar Abd Aziz diletakkan sebagai Pemerintah Operasi dan Leftenan Kolonel (Dr) Zamri bin Derahman, Pegawai Memerintah 2 Bn Ubat merupakan Komander yang dipertanggungjawabkan dalam aspek pengurusan dan pengoperasian ICU medan berkenaan. Aturgerak ICU Medan ke Hospital Kepala Batas ini melibatkan komposisi berikut:

a. **Petugas** - 3 pegawai dan 30 anggota lain-lain pangkat daripada 2 Batalion Perubatan, 2 Pakar Bius daripada Hospital Angkatan Tentera Tuaku Mizan dan 2 Pakar Teknikal Operasi Hospital Medan.

b. **Peralatan/Kelengkapan** - 3 Modul ICU, 1 Modul X-Ray, 3 Khemah Utilis TM 54, 7 Khemah Utilis TM 26, aset-aset perubatan dan logistik am.

7. ATM melalui PKAT bersedia digerakkan ke kawasan kritikal bagi membantu membendung gelombang ketiga pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kemampuan sedia ada setelah penilaian rapi dilaksanakan berdasarkan keperluan yang dikemukakan oleh KKM. Setiap keperluan di lapangan akan dinilai secara teliti kerana ATM perlu mempunyai simpanan untuk kegunaan kecemasan bagi memastikan aset perubatan mencukupi bagi menyokong operasi ATM apabila diperlukan.

8. ATM akan sentiasa bersedia sedia membantu agensi-agensi awam dan akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan di seluruh negara sebagai salah satu daripada pelaksanaan tugas-tugas sekunder atau dalam konsep **Military Operation Other Than War (MOOTW)**. Usaha ATM ini juga adalah sebahagian dari implimentasi **Pelan Strategik Kementerian Pertahanan iaitu Pengukuhan Kerjasama Awam -Tentera (Civil Military Cooperation – CIMIC)** demi Pertahanan Menyeluruh (HANRUH).

-TAMAT-

KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



Markas Angkatan
Tentera Malaysia



official.atm2020



@MarkasATM



Markas ATM

